



Ruj. Kami : Prk.ML.08/35-22(8)  
Tarikh : 29 Julai 2013

Pengarah Perikanan Negeri \_\_\_\_\_

Y.H Dato' / Tuan,

### PEMBAHARUAN TAHUNAN LESEN PERALATAN DAN VESEL PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM (C2)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sebagaimana Y.H Dato' / tuan sedia maklum bahawa Dasar Pelesenan Jabatan telah menetapkan bahawa kelulusan permohonan pembaharuan tahunan lesen peralatan dan vesel penangkapan ikan laut dalam (C2) adalah berasaskan kepada prestasi vesel untuk tempoh setahun iaitu dengan mengambil kira jumlah pendaratan ikan (LOV) dan purata keaktifan MTU seperti berikut:

Prestasi vesel	Jenis Peralatan		
	P. Tunda	P. Jerut	Rawai/Bubu
Pendaratan ikan / tahun	≥ 250 MT	≥ 350 MT	≥ 100 MT
Purata Keaktifan MTU / tahun	≥ 80%	≥ 80%	≥ 80%

3. Sehubungan itu pembaharuan lesen hendaklah diluluskan di peringkat **Pejabat Perikanan Negeri** (PPN) sekiranya prestasi vesel mencapai kedua-dua syarat yang telah ditetapkan seperti di atas. Walau bagaimanapun sekiranya vesel-vesel C2 tersebut tidak mematuhi sepenuhnya atau salah satu dari syarat yang telah ditetapkan, maka Y.H Dato' / tuan hendaklah tidak meluluskan atau menolak terus permohonan tersebut.

4. Sekiranya terdapat rayuan selepas permohonan ditolak, maka Y.H Dato' / tuan hendaklah mengemukakan permohonan rayuan tersebut kepada Ibu Pejabat Perikanan berserta dengan ulasan PPN untuk pertimbangan selanjutnya. Ibu Pejabat Perikanan akan memproses rayuan tersebut dan keputusannya akan dimaklumkan kepada Y. H Dato' / tuan bersama dengan penentuan kategori vesel.
5. Namun begitu sejak kebelakangan ini terdapat PPN yang telah menghantar terus permohonan pembaharuan lesen vesel yang tidak memenuhi syarat prestasi vesel kepada Ibu Pejabat untuk pertimbangan tanpa menolak / tidak meluluskan permohonan tersebut terlebih dahulu. Dengan itu Y.H Dato' / tuan adalah dipohon untuk memproses dahulu permohonan pembaharuan lesen mengikut prosedur yang telah ditetapkan di atas.
6. Bagi tujuan penyelarasan pengkategorian vesel pula, Y.H Dato' / tuan adalah diminta menghantar satu salinan keputusan permohonan vesel yang telah diluluskan di peringkat PPN (bagi vesel yang telah memenuhi syarat prestasi vesel) kepada Ibu Pejabat Perikanan bagi tujuan rekod. Perlu juga dimaklumkan bahawa vesel-vesel yang telah memenuhi syarat-syarat seperti para 2 di atas hendaklah dimasukkan dalam Kategori A.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

  
**(HJ. JOHARI BIN RAMLI)**

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber  
b.p/Ketua Pengarah Perikanan Malaysia  
Jabatan Perikanan Malaysia  
Putrajaya.

MO/290713

sk:

Y.H Dato' KPP

Y.Brs. TKPP(P)

KC LD